

Pengaruh Tun Razak masih ada pada saya – PM

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 15 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hubungannya yang rapat dengan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein dalam Majlis Gerakan Negara (Mageran) dahulu masih lagi meninggalkan pengaruh ke atas dirinya hingga ke hari ini.

Menurut Perdana Menteri, ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai dasar masa kini yang boleh dirujuk kepada pendekatan pragmatik yang dibuat semasa kepimpinan Allahyarham.

Antara legasi Bapa Pembangunan negara itu ialah Rukun Negara, pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan dan kesaksamaan serta perpaduan kaum melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

“Inspirasi kami adalah dasar yang digubal dahulu menjadi petunjuk kepada kita dalam merangka pendekatan hari ini,” katanya dalam klip video yang ditayangkan pada majlis pelancaran Seminar Legasi Tun Razak kepada Pembangunan Negara, di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran Akademi Pemuda dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

● Lagi laporan Legasi Tun Abdul Razak di muka 4, 10

Mageran yang ditubuhkan setelah Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan ekoran rusuhan kaum 13 Mei 1969, diketuai Abdul Razak sebagai Pengarahnya, manakala Abdullah bertindak sebagai Ketua Penolong Setiausaha Hal Ehwal Awam.

Abdullah menambah, impian Perdana Menteri kedua agar penglibatan dalam sektor-sektor ekonomi tidak didominasi kaum tertentu juga terus menjadi pendirian politik negara hingga ke hari ini.

“Dia tidak mahu lihat di masa depan, perniagaan hanya untuk orang Cina, Melayu menjadi polis.

“Beliau berjiwa Malaysia dan menegaskan semua kaum mesti bersatu padu dan bekerjasama. Jangan pencilkan mana-mana golongan, semua kaum mesti memperoleh manfaatnya,” katanya.

Kesannya, kata Perdana Menteri, dapat dilihat melalui kemajuan negara dengan pencapaian ekonomi yang progresif dan dinamik menerusi pelaksanaan DEB.

Semasa menjadi Pengarah Mageran, Abdullah berkata, Abdul Razak tidak pernah menyalahgunakan kuasanya.

“Beliau boleh memerintah seorang sahaja sebagai diktator kalau mahu tetapi tidak berbuat demikian dan tidak mengekalkan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Tun Abdul Rahman Abbas (kiri) dan tetamu menikmati jamuan pada majlis sambutan kesyukuran sempena perkahwinan Perdana Menteri di Masjid Al-Jamiul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.

Mageran.

“Mageran hanyalah untuk mengembalikan kestabilan dan keamanan kepada negara,” jelas beliau.

Dengan dua pegawai yang cukup penting kepadanya, iaitu Tun Dr. Tan Siew Sin dan Tun V. T. Sambanthan, kata Abdullah, Allahyarham telah memastikan Malaysia kembali kepada sistem demokrasi berpar-

limen pada Februari 1971.

Apabila Mageran ditutup, Abdullah diberi jawatan Pengarah Belia dan Sukan oleh Abdul Razak bagi memastikan golongan muda memiliki kemahiran dan mampu mendapat pekerjaan.

Ini, katanya, adalah atas kesedaran bahawa 60 peratus daripada penduduk Malaysia merupakan golongan belia.

“Ini menunjukkan bahawa beliau memandang ke depan dan melihat belia sebagai aset negara.

“Ia serupa dengan pembangunan modal insan yang saya tekankan,” tegasnya.

Abdullah menambah, selain sifat-sifat tersebut, Abdul Razak juga amat bersemangat apabila mahu mencapai sesuatu dan gemar turun padang.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Um- 16/6/2007.

Impian Perdana Menteri kedua agar penglibatan dalam sektor-sektor ekonomi tidak didominasi kaum tertentu juga terus menjadi pendirian politik negara hingga ke hari ini